

Selama lima tahun, pelukis batik mapan Sarkasi Said sepi tanpa berita mengenai sebarang pameran solo. Namun, atas undangan Muzium Universiti Nasional Singapura (NUS), Encik Sarkasi mengadakan pameran solo berjudul 'Always Moving: The Batik Art of Sarkasi Said' yang dibuka tirainya Jumaat lalu. Ini juga peluang mendekati generasi muda seperti Cik Diyanah Nasuha Omar Bahari yang berminat menyelami identiti sebagai anak berketurunan Jawa. Wartawan HARYANI ISMAIL (haryani@sph.com.sg) melaporkan.



TERUS BERDAYA SENI: Encik Sarkasi Said tidak membiarkan tempoh kerjaya seni yang mencecah lebih 50 tahun membuatnya bosan dengan keadaan, malah beliau gembira dapat berkongsi keindahan batik dengan generasi muda menerusi pameran solo di Muzium NUS. – Foto-foto JOHARI RAHMAT



TERFIKIR TENTANG JATI DIRI: Cik Diyanah Nasuha banyak belajar tentang khazanah warisan batik dan juga kaitannya dalam sosiobudaya masyarakat Jawa setelah ditugaskan mewawancara Encik Sarkasi bagi pameran solo seniman itu.

Kain tradisional cetus renungan siswi terhadap susur galur diri

MINAT Cik Diyanah Nasuha Omar Bahari menjejak identiti sebagai gadis berketurunan Jawa bermula selepas diserahkan songket yang dipakai neneknya bagi majlis pertunangan.

Disebabkan beliau selesa dengan pakaian 'orang lama' yang kelihatan anggun itu, ibunya pula memberikan pakaian batik yang menarik perhatian.

Sejak itu, Cik Diyanah, 22 tahun, mula tertanya-tanya tentang kedudukannya sebagai orang Jawa dan juga unsur sosiobudaya yang menyaluti rantau Nusantara ini.

Mahasiswi tahun akhir yang mengikuti Pengajian Sejagat Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan Universiti Nasional Singapura (NUS) itu lebih teruja apabila berpeluang bekerja sambil belajar di Muzium NUS.

Sebagai kurator pelajar, beliau berpeluang mewawancara pakar lukisan batik, Encik Sarkasi Said, dan mengkaji sejarah batik di rantau ini.

"Seperti sebilangan belia Melayu lain, saya akur kadangkala terbawa-bawa dengan pengaruh kebaratan yang diselitkan dalam gaya hidup dan tanggapan tentang keadaan sekeliling.

"Sejurus mendapat pakaian songket dan batik

daripada nenek dan ibu, saya tidak melihat kededua barangan itu sebagai barang antik. Saya mula terfikir tentang identiti saya dalam fabrik sosial masyarakat Singapura," katanya.

Beliau akur pada mulanya diburu kegelisahan memikirkan jati dirinya.

"Mujur saya senang bekerjasama dengan Encik Sarkasi, yang boleh diibaratkan seperti gedung ilmu batik. Beliau banyak berkongsi tentang batik sebagai identiti masyarakat Jawa.

"Kajian merupakan proses yang paling sulit. Rakaman video bersamanya dibuat sebagai bahan sejarah lisan. Encik Sarkasi datang daripada generasi berbeza daripada saya.

"Saya menyedari kita kekurangan bahan sejarah tentang kerja seninya di masa lalu. Beliau juga menyatakan langkah baiknya jika ada kerja seni awalnya atau hasil peninggalan zaman kampung yang boleh dipamerkan. Sayangnya, banyak yang hilang kerana banjir," ujar Cik Diyanah.

Pengalaman berurusan dengan Encik Sarkasi memperkasa kesedarannya tentang jati diri anak Jawa yang tidak akan memandang remeh asal-usul budayanya dan keseniannya.

Muzium NUS anjur pameran seni batik Sarkasi Said

SENI lukisan batik sudah lama mendarah daging dalam diri bapa lukisan batik di sini, Encik Sarkasi Said. Meskipun sudah lebih lima tahun menyepi daripada mengadakan pameran yang merakam perjalanannya, beliau masih lagi menjadi tumpuan kerana merupakan antara seniman warga perintis yang masih lagi aktif melukis.

Encik Sarkasi, 77 tahun, malah diberi pengiktirafan oleh Muzium Universiti Nasional Singapura (NUS) bagi mengadakan pameran solo *Always Moving: The Batik Art of Sarkasi Said* bermula Jumaat lalu.

Pameran percuma di Galeri Sementara Lee Kong Chian hingga 31 Disember itu mengetengahkan 11 lukisan batik yang dihasilkan dari 1990-an hingga sekarang.

Detik-detik kegemilangannya dan jerih payah memanfaatkan canting dan melorek teknik lukisan batik di-singkap khususnya bagi pengamatan generasi muda yang ingin menyelami warisan, adat, budaya dan alam menerusi seni.

Ketika ditemui *Gah!* di Muzium NUS baru-baru ini, Encik Sarkasi, yang menyedari amanah sebagai pelukis perlu digalas sejak usia 16 tahun, berkata:

"Kali terakhir saya mengadakan pameran ialah di Malta, lebih lima tahun lalu. Saya memang teringin mengadakan satu lagi pameran di sini, selain menerima pesanan daripada pelbagai kedutaan atau pertubuhan yang inginkan lukisan sebagai cenderahati atau hiasan.

"Akhirnya, dengan kerjasama Pengarah Kanan Bersekutu di Muzium NUS, Encik Ahmad Mashadi, pameran ini menjadi kenyataan."

Seperti biasa, Encik Sarkasi ingin memupuk kesedaran ramai tentang keindahan batik dan pengertian sebenar lukisan batik yang tiada duanya.

"Saya mengamati setiap tanggapan orang tentang kerja seni batik atau batik yang sudah pun dijadikan pakaian dan aksesori, baju, dompet, sarung atau beg.

"Ada orang dengan mudah menamakan sesuatu itu batik sedangkan ia bukan. Mungkin coraknya nampak sama tetapi sebenarnya ia bukanlah karya batik. Ini yang harus kita perbetul," kongsi.

Beberapa klip wawancara bersama Encik Sarkasi dalam pameran itu mengembalikan kenangan batik sebagai unsur warisan penting dan identitinya sebagai seniman berketurunan Jawa.

Beliau bergerak sebagai pelukis dalam suasana Singapura yang kian moden dan rencam gaya hidup mengikut senario kaum yang mewarnainya. Encik Sarkasi juga melihat batik sebagai bahan budaya dan gigih menyelaminya sebagai identiti sang pemakai pakaian yang diperbuat daripada batik itu sendiri.

Mengulas lukisan terkininya *Forest*, yang baru disiapkan beberapa bulan lalu, Encik Sarkasi berkata:

"Idea asal sebenarnya karya yang dipesan daripada pihak Istana buat mantan Presiden Tony Tan Keng Yam. Saya menghasilkan sesuatu daripada ilham yang tercetus melihat suasana taman di Istana. Idea awal taman itu berkembang menjadi rimba menghijau.

"Cukup indah apabila saya sendiri dapat menghargai warna-warni bunga dan mengingat Sang Pencipta. Apabila setiap warna kelopak bunga ini, baik merah, kuning, jingga mahupun biru ditinjau, saya sedar anatominya dan warnanya datang daripada tanah. Kita bersyukur atas pemberian Tuhan yang mengindahkan pandangan mata kita. Inilah kerja seni yang menenangkan."

Encik Sarkasi memang gemar berkongsi ilmu, malah ramai yang memanggilnya 'Cikgu' kerana kesudiannya membuka gedung pengetahuannya untuk diselongkar generasi muda.

Antaranya ialah mahasiswi NUS, Cik Diyanah Nasuha Omar Bahari, yang menjadi kurator pelajar yang bekerja sambil belajar di Muzium NUS (*laporan kiri*).

"Tidak perlulah kita lokek ilmu. Kita boleh dapat banyak daripada perkongsian. Saya kagum dengan kesungguhan dan kecanggihan anak muda masa kini.

"Kesediaan mereka menggali warisan sepertimana yang dilakukan Diyanah amat bermakna buat saya. Pengorbanan itu perlu dalam hidup sebagai seniman kerana tempoh sukar yang membantunya memperkasa kemahirannya. Kehidupan itu lebih indah jika kita berkongsi dan memberi, khususnya buat generasi pelapis," kata Encik Sarkasi.